

MORATORIUM DAN PENGURUSAN KEWANGAN NORMA BAHARU DALAM MENGINSPIRASI DAN MENDIDIK KEPIMPINAN KOMUNITI PENDIDIKAN TINGGI

MORATORIUM AND FINANCIAL MANAGEMENT AS THE NEW NORMS IN INSPIRING AND EDUCATING THE LEADERSHIP OF THE HIGHER EDUCATION COMMUNITY

Muhammad Safuan Yusoff¹
Irma Wani Othman^{2*}
Mohd Kamal Mohd Shah³
Mohd Sohaimi Esa⁴
Nurul Ain Zulhazmi⁵
Mohd Azri Ibrahim⁶
Romzi Ationg^{7*}

¹Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: safuan_y@yahoo.com)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: irma@ums.edu.my)*

³Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mkamalms@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: msohaimi@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: nurulainz@ums.edu.my)

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: mohdazri@ums.edu.my)

⁷Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: mrationg@ums.edu.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021
Revised date : 21-4-2021
Accepted date : 16-5-2021
Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Yusoff, M. S., Othman, I. W., Shah, M. K. M., Esa, M. S., Zulhazmi, N. A., Ibrahim, M. A., & Ationg, R. (2021). Moratorium Dan Pengurusan Kewangan Norma Baharu Dalam Menginspirasi Dan Mendidik Kepimpinan Komuniti Pendidikan Tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 188 - 201.

Abstrak: Dalam menempuh era pandemik Covid-19 di Malaysia pada hari ini, pelbagai cabaran terpaksa diharungi oleh rakyat dalam meneruskan kehidupan mengikut norma baharu. Cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh setiap individu adalah kehilangan sumber pendapatan yang disebabkan kehilangan pekerjaan. Tidak terkecuali pihak kerajaan yang menghadapi tekanan dalam menguruskan ekonomi bagi membantu rakyat dalam meneruskan kehidupan. Realiti yang terjadi pada masa kini kebanyakan dari individu yang

kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba telah membawa mereka terjebak dalam permasalahan kewangan yang menghimpit diri dan keluarga. Permasalahan ini berlaku adalah disebabkan mereka tidak pernah melakukan perancangan dalam menguruskan kewangan yang mana perkara ini dipandang tidak penting sebelum ini. Kepentingan adanya ilmu pengurusan kewangan dalam diri dapat membawa perubahan kearah kesejahteraan kewangan individu bagi mencapai setiap matlamat hidup. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui moratorium serta pelbagai alternatif perancangan pengurusan kewangan yang cekap dapat membantu rakyat berhadapan dengan kehidupan norma baharu bagi menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi sebagai persediaan diri sebelum menempuh dunia pekerjaan. Krisis pandemik yang berlaku pada waktu ini telah menuntut kebijaksanaan dalam setiap diri individu supaya melakukan pengurusan kewangan dan tidak terburu-buru dalam membuat keputusan berkaitan isu kewangan.

Kata Kunci: Moratorium, Pengurusan Kewangan, Covid-19, Norma Baharu

Abstract: *In the Covid-19 pandemic era in Malaysia today, people had to wade through various challenges in order to continue their livelihood in the new norms. The main challenge that every individual must face is losing the source of income due to job retrenchment. The government too faces no exception which endures pressure in managing the economy to help the continuity of livelihood of the people. The reality that is happening nowadays is that most of the individuals who lose their jobs suddenly have left them stuck in financial problems that stress them and their families. This problem occurs as they were not prepared to face unforeseen circumstances such as the pandemic which has impacted their finances which is considered insignificant before. The importance of having the knowledge of financial management in oneself can bring about changes towards the financial well-being of individuals to achieve every goal of life. Therefore, this paper discusses the assistance provided by the government through the moratorium as well as various alternatives to efficient financial management planning. These assistances can help people face the new norms of life that inspire and instil leadership in higher education community as a preparation before entering the working world. The current pandemic crisis has demanded wisdom in every individual to do financial management and not to rush in making decisions related to financial issues.*

Keywords: Moratorium, Financial Management, Covid-19, New Norms

Pengenalan

Pada 30 Januari 2020 Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa Covid-19 merupakan *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) atau Darurat Kesehatan Global iaitu merupakan satu wabak penyakit berisiko tinggi yang mampu meragut nyawa manusia (WHO, 2021). Wabak Covid-19 ini telah menjejaskan lebih 110 buah Negara di seluruh dunia dan disebabkan itu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan Covid-19 ini sebagai penularan wabak pandemik (WHO, 2021). Negara Malaysia telah tersenarai di antara negara yang dikesan telah dijangkiti pandemik Covid-19 pada 23 Januari 2020. Semenjak dari itu berlaku pertambahan kes setiap hari yang telah dicatatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga membawa kepada jumlah

keseluruhan sebanyak 616, 815 kes di seluruh Malaysia (KKM, June 2021). Perkara tersebut telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat Malaysia sehinggakan pihak kerajaan terpaksa melakukan pelbagai usaha seperti Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 sehinggalah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 bagi membendung penularan wabak tersebut dalam kalangan rakyat (Majlis Keselamatan Negara, 2021). Disebabkan perkara tersebut, pada masa kini kepimpinan Negara mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan semua matlamat dan agenda pentadbiran Negara dapat dilestarikan secara berkesan yang mana tujuan utamanya adalah membantu meringankan beban kesusahan yang dialami oleh rakyat di Negara ini.

Umum mengetahui, disebabkan pandemik Covid-19 ini ianya telah mendatangkan kesan negatif di luar kawalan meliputi kesemua aspek iaitu ekonomi, keselamatan, kesihatan, pendidikan, sosial dan sebagainya. Ratusan ribu rakyat telah merasa tempiasnya yang menerima kesan kehilangan sumber pendapatan disebabkan banyak sektor atau industri terpaksa ditutup yang menyebabkan mereka diberhentikan (Berita Harian, 2020c). Sumber dari Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) telah merekodkan seramai 99, 696 orang pekerja telah diberhentikan melibatkan golongan berkemahiran tinggi pada Januari hingga November 2020 tahun lalu akibat kesan penularan Covid-19 (Awani, 2020). Beberapa faktor telah dikenal pasti yang menjadi punca kepada pemberhentian pekerja ini termasuk penutupan banyak syarikat yang disebabkan masalah kewangan kritikal yang terpaksa ditanggung. Faktor-faktor tersebut disebabkan oleh tekanan yang dialami oleh semua industri secara global disebabkan pandemik Covid-19 yang berlaku di luar kawalan. Permasalahan pandemik Covid-19 yang berlaku pada masa kini merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi dan diselesaikan oleh pihak kepimpinan Negara. Melalui daya usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan sangat diperlukan dalam membantu dan menjaga kebajikan rakyat agar terus terbelah.

Selain daripada itu, pada waktu begini pastinya rakyat akan membuat penilaian ke atas kepimpinan kerajaan bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka dapat diteruskan dalam keadaan sumber pendapatan mereka yang terjejas. Menurut Chan, Omar & Yong, (2018) kurangnya pengetahuan mengenai aspek pengurusan kewangan telah menyebabkan seseorang individu itu berhadapan dengan masalah kewangan yang akhirnya membawa mereka kepada kemerosotan kesejahteraan kewangan. Isu Covid-19 ini bukan sahaja telah mengganggu struktur ekonomi negara malahan secara jelas telah menjejaskan ekonomi setiap individu dan perniagaan. Bagi golongan pekerja yang makan gaji secara bulanan ataupun harian mereka terpaksa menanggung pengurangan pendapatan. Malahan bagi individu yang mempunyai perniagaan pula cabaran yang dihadapi adalah bagaimana hendak meneruskan perniagaan jika aliran tunai yang diperolehi tidak mampu untuk dijadikan semula modal perniagaan disebabkan berlaku pengurangan pelanggan sepanjang tempoh Pengawalan Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membicarakan bagaimana bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui moratorium serta pelbagai alternatif perancangan pengurusan kewangan dapat membantu rakyat berhadapan dengan kehidupan norma baharu bagi menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi sebagai persediaan diri sebelum menempuh dunia pekerjaan.

Konsep Pengurusan Kewangan

Setiap individu pastinya mempunyai keinginan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Untuk mencapai hasrat tersebut individu haruslah mempunyai sistem perancangan kewangan yang berkesan supaya setiap dari komitmen dan perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik. Menurut Brigham, Houston, Jun-Ming, Yoon Kee & Bany-Arifin (2014), pengurusan kewangan adalah satu seni dan sains mengurus wang yang melibatkan pelbagai penggunaan teori ekonomi dan perakaunan bagi mencapai matlamat individu ataupun sesebuah organisasi. Pengurusan kewangan yang baik adalah merujuk kepada bagaimana seseorang individu itu dapat melakukan pembahagian perbelanjaan bercukupan yang mana mampu untuk melakukan pembayaran terhadap sebarang bentuk pinjaman pembiayaan (Fan & Babiary, 2019). Pengurusan kewangan juga merujuk kepada satu proses dinamik yang memerlukan semakan dan penilaian yang berterusan, agar individu dapat mengawal kedudukan kewangan mereka (Abd Moen, Che omar, Ishak, Dawari & Hamdan, 2012). Selain itu pengurusan kewangan masa hadapan mencerminkan usaha-usaha yang melibatkan disiplin-disiplin tertentu untuk mengurus sumber-sumber pendapatan serta aset supaya setiap perbelanjaan yang dibuat mendatangkan faedah atau manfaat yang optima (Abdul-Rahman & Zulkifly, 2016). Pengurusan kewangan yang baik dapat membantu individu menguruskan perbelanjaan serta mampu bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Pengurusan kewangan yang tidak efektif pula akan menyebabkan berlakunya krisis kewangan individu (Daft, 2016). Oleh yang demikian, aspek pengurusan kewangan ini tidak boleh dipandang mudah kerana cabaran hidup pada masa kini sememangnya semakin mencabar (Yaacob, Janor & Khamis, 2015).

Kepentingan Pengurusan Kewangan Peribadi

Pengurusan kewangan peribadi adalah kunci bagi memastikan setiap individu tidak terlibat dengan masalah kewangan yang serius pada masa akan datang. Senario kehidupan masa kini memperlihatkan bahawa ramai golongan muda yang telah menamatkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi dan baru sahaja menjejakkan kaki di alam pekerjaan telah mula membuat pinjaman peribadi samada di bank-bank kerajaan ataupun agensi pinjaman lainnya. Pada masa kini di zaman perbankan hujung jari, ramai individu telah terjebak dengan melakukan perbelanjaan melebihi kemampuan disebabkan kewujudan kemudahan tersebut. Ramai juga diantara individu lain menghadapi masalah dalam pengurusan kredit mereka. Hal ini terjadi disebabkan oleh individu tersebut tidak terdedah akan kepentingan pengetahuan pengurusan kewangan yang baik serta tidak membuat perancangan kewangan dalam jangka masa panjang. Harus diakui bahawa di dalam sistem pendidikan formal di Malaysia, subjek mengenai pengurusan kewangan peribadi masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Natijahnya ramai golongan muda mengalami masalah pengurusan kewangan terutamanya berkaitan dengan perbelanjaan dan pengurusan kredit ataupun hutang.

Secara teori pengurusan kewangan peribadi adalah suatu proses perancangan masa depan bagi memenuhi matlamat peribadi yang telah ditetapkan dengan melakukan perancangan kewangan yang menyeluruh (Chu, Wang, Xiao & Zhang, 2017). Ini merangkumi asas kepada pengurusan aliran tunai yang merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperolehi, perbelanjaan bulanan yang dilakukan, simpanan yang dibuat dan pengurusan kredit yang konsistan (Tang & Peter, 2015). Persoalan berhubung mengapa pengurusan kewangan itu penting? Ini adalah persoalan asas yang perlu diketahui oleh setiap individu yang telah memasuki dunia pekerjaan. Secara logiknya tidak ada manusia yang akan menafikan bahawa

kepentingan wang yang berperanan dalam segenap aspek kehidupan. Kegunaan wang di dalam kehidupan seharian adalah digunakan untuk membeli keperluan asas kehidupan, membayar pelbagai jenis bil utiliti serta perkhidmatan yang dilangani oleh seseorang individu. Secara praktikalnya, perancangan kewangan adalah hal yang berhubung dengan mengurus kedudukan ekonomi atau kewangan seseorang individu dengan mengenal pasti cara-cara membuat belanjawan, menabung dan membelanjakan wang dalam suatu tempoh masa yang tertentu. Tambahan lagi, perancangan kewangan yang baik dapat membantu diri sendiri bagi mencapai sesuatu matlamat pada masa hadapan. Menerusi perancangan kewangan ini individu dapat melihat di manakah kedudukan kewangan mereka pada masa kini dan arahnya pada masa depan serta bagaimana untuk mencapainya dan bila sepatutnya bermula (Rubayah, Hayati & Nur Ain, 2015).

Amat penting bagi setiap individu untuk membuat perancangan kewangan secepat mungkin terutama bagi mereka yang mula memasuki alam pekerjaan. Merancang perbelanjaan dengan bijak serta mempunyai simpanan atau tabungan kecemasan dapat menyelamatkan diri daripada mengalami krisis kewangan yang disebabkan oleh faktor sekeliling yang ada kalanya berada di luar kawalan. Kehidupan norma baharu pada masa kini yang disebabkan oleh dunia dilanda penularan wabak pandemik Covid-19 telah menyebabkan ramai manusia terkesan sehingga mengalami kesukaran dalam meneruskan kehidupan disebabkan kekurangan sumber kewangan. Selain dari itu faktor kurangnya pengetahuan dan corak perbelanjaan yang boros juga dilihat sebagai salah satu faktor yang mampu memberikan impak negatif kepada amalan pengurusan kewangan individu. Pendapatan dan perbelanjaan mestilah diuruskan dengan betul agar individu tersebut tidak terjerat dengan masalah kewangan iaitu apabila perbelanjaan melebihi pendapatan (Rafdi, Puad, Shahar, Nor & Shahar, 2015). Dengan perancang kewangan yang dilakukan, setiap individu berupaya mengelakkan diri mereka dari kesan yang negatif seperti (i) bebanan hutang yang tidak terurus, (ii) melakukan perbelanjaan yang berlebihan, (iii) diistiharkan muflis dan (iv) kebergantungan terhadap orang lain sewaktu mengalami sebarang permasalahan (Sabri, Abdullah, Moga Dass & Jusoh, 2018). Ini akan meletakkan diri mereka berada dalam satu keadaan kesejahteraan kewangan yang baik serta bebas tanpa sebarang beban dan secara tidak langsung dapat memberi ketenangan dalam kehidupan. Dengan erti kata lain, apabila setiap individu mempunyai pelan kewangan peribadi yang terurus dan berkesan, maka mereka akan lebih arif dalam menentukan keperluan masa depan melalui sumber kewangan yang sedia ada.

Akta Berhubung Pengurusan Kewangan

Penularan wabak Covid-19 telah memberikan kesan yang serius terhadap corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik. Kebanyakan industri yang ada di Negara ini terpaksa ditutup dan diberhentikan pengoperasiannya dengan tujuan untuk mengawal penularan wabak Covid-19 yang mana telah mengakibatkan ramai rakyat kehilangan pekerjaan. Apabila ramai yang menerima kesan disebabkan kehilangan sumber pendapatan ini telah mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung beban hidup yang tinggi disebabkan komitmen kredit yang perlu diselesaikan sebelum ini seperti rumah, kereta dan sebagainya. Jika dilihat dari elemen perundangan, terdapat akta yang boleh membantu rakyat dalam menyelesaikan isu yang melibatkan kredit dan kewangan dalam kehidupan norma baharu pada masa kini iaitu melalui Akta Sewa Beli 1967 dan Akta Insolvensi 1967 (Pindaan 2020).

Sepanjang pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini, isu mengenai penangguhan pembayaran sewa beli bagi sesuatu barangan juga telah menjadi dilemma bagi rakyat untuk diselesaikan. Perjanjian sewa beli di bawah Akta Sewa Beli 1967 merupakan satu perjanjian atau persetujuan menyewa barang dengan hak pilihan untuk membelinya dan pembayaran pula adalah dibuat secara ansuran seperti kenderaan bermotor iaitu sewa beli kereta, motor dan sebagainya (KPDNHEP, 2010). Menerusi kenyataan yang disampaikan oleh bank negara kepada semua peminjam sewa beli yang tersenarai di bawah Akta Sewa Beli 1967, mereka akan menerima pengecualian penangguhan dari melakukan pembayaran pinjaman kredit dalam satu tempoh masa yang diberikan. Pengecualian tersebut bertujuan untuk memberikan pelepasan sementara daripada tanggungjawab perjanjian di bawah Akta Sewa Beli bagi suatu tempoh yang ditetapkan demi memberi kelegaan kepada rakyat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dengan wujudnya perundangan berkenaan, ianya mampu meringankan beban pembiayaan dan hutang sewaan kepada pembeli. Pembeli perlulah berbincang dengan pihak institusi kewangan atau syarikat kredit yang terlibat dalam perjanjian sewa beli tersebut untuk melakukan perbincangan berhubung dengan kelayakan penangguhan, penstrukturan semula pembayaran ataupun penyusunan semula pembiayaan pinjaman ke atas kenderaan yang mereka beli.

Akta Insolvensi 1967 (Pindaan 2020) pula telah diluluskan oleh pihak kerajaan berdasarkan keperluan tertentu termasuk mentransformasi kerangka perundangan sedia ada kepada perundangan yang lebih relevan dengan keperluan semasa yang berlaku pada masa kini iaitu mempersiapkan siaga negara bagi menghadapi sebarang wabak pada masa akan datang atau sebarang bencana yang boleh menyebabkan gelombang krisis ekonomi. Akta Insolvensi 1967 (Pindaan 2020) ini merupakan akta yang berkaitan dengan kebangkrutan atau muflis ke atas individu (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2021). Pindaan akta ini telah memberikan kesan positif seperti memberi peluang kepada individu untuk mengukuhkan ekonomi semasa tanpa kekangan yang timbul daripada tindakan muflis bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Seperti yang diketahui disebabkan pandemik Covid-19 ini banyak industri makanan dan minuman serta industri pelancongan dan perhotelan telah ditutup disebabkan ketiadaan pelancong dan pengguna yang mengakibatkan pengusaha-pengusaha perniagaan tersebut kerugian sehingga ketiadaan modal untuk beroperasi dan menyebabkan mereka hampir muflis berpunca dari bebanan hutang yang ditanggung. Selain itu, diantara punca berlakunya muflis dalam kalangan rakyat di Negara ini adalah disebabkan daripada pinjaman sendiri yang dilakukan untuk memaksimumkan keinginan diri sendiri yang mendahului kehendak di luar kemampuan. Dengan adanya akta ini telah memberi peluang kepada pengusaha perniagaan mahupun individu dari segi pengurusan kewangan lebih-lebih lagi setelah berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka seperti Covid-19, serta mengelakkan pertambahan mendadak kes muflis dalam masa singkat. Kebanyakan negara telah meminda undang-undang insolvensi masing-masing bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa untuk mengelakkan pertambahan mendadak kes muflis dalam masa singkat serta merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Alternatif Pengurusan Kewangan Norma Baharu

Berikut merupakan perbincangan mengenai bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui moratorium dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta pelbagai alternatif perancangan pengurusan kewangan yang dapat membantu rakyat berhadapan

dengan kehidupan norma baharu bagi menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi sebagai persediaan diri sebelum menempuh dunia pekerjaan.

i) Moratorium

Disebabkan penularan wabak pandemik Covid-19 pihak kerajaan telah mengumumkan mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang mana fokus utamanya adalah untuk membantu rakyat yang terkesan. Menerusi pakej PRIHATIN tersebut ianya telah memberi sedikit kelegaan kepada masyarakat sama ada yang terjejas mahupun yang kurang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semasa pandemik Covid-19. Pihak kerajaan bersama Bank Negara Malaysia melalui persatuan bank-bank di Malaysia telah mengumumkan bantuan moratorium kepada setiap ahlinya bagi membantu peminjam yang kemungkinan berdepan dengan masalah berikutan wabak Covid-19 ini. Moratorium adalah penangguhan rasmi bayaran ansuran bulanan daripada pembayar kepada pihak bank tanpa caj penalti atau denda dalam satu tempoh masa yang ditetapkan (Bank Negara Malaysia, 2020). Ini bermakna pelanggan bank tidak perlu membayar ansuran bulanan untuk pinjaman yang dilakukan mereka dalam satu tempoh masa dan bayaran ansuran akan bersambung setelah tamat tempoh moratorium tersebut. Bantuan yang ditawarkan adalah berbentuk penyusunan dan penstrukturan semula pinjaman dan moratorium untuk bayaran semula pinjaman yang dilakukan oleh setiap peminjam.

Tujuan utama moratorium dilaksanakan juga adalah untuk mencapai matlamat ketiga Program PRIHATIN yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan iaitu bertujuan untuk memperkukuhkan sektor ekonomi Negara dan dapat meringankan beban rakyat serta perniagaan yang terlibat (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020). Moratorium ini juga adalah untuk memastikan rakyat dan para peniaga yang mempunyai perniagaan mempunyai 'lebihan tunai' selama tempoh masa enam bulan yang diberikan. Oleh hal yang demikian, rakyat mampu untuk bertahan dengan wang yang ada serta dapat melakukan perbelanjaan di dalam Negara yang sekaligus dapat menggerakkan ekonomi negara. Dengan inisiatif yang sedia ada ini, ianya dapat membantu rakyat serta perniagaan seperti perusahaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikategorikan sebagai mereka yang mengalami pendapatan terjejas akibat dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung krisis Covid-19 yang melanda dunia.

Manfaat Moratorium

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, jumlah keseluruhan manfaat penangguhan Moratorium yang akan diterima oleh sektor perniagaan dan rakyat adalah sebanyak RM43.7 billion pada Jun 2020 (Berita Harian, 2020a). Sebanyak RM15.3 billion daripada jumlah besar tersebut telah dimanfaatkan oleh sektor perniagaan, manakala jumlah selebihnya iaitu sebanyak RM28.4 bilion pula dimanfaatkan oleh rakyat (Berita Harian, 2020a). Pemberian moratorium sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 sehinggalah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 pada masa kini sememangnya telah memberi kebaikan dan manfaat yang nyata kepada seluruh rakyat yang mana dapat memperkukuhkan simpanan wang tunai peribadi individu (Harian Metro, 2021b). Masyarakat iaitu rakyat Malaysia perlulah memanfaatkan bantuan atau inisiatif yang diberikan kerajaan ini dalam memantapkan pengurusan kewangan mereka. Apatah lagi semasa pandemik Covid-19 ini rakyat perlu tahu dan bijak merancang perbelanjaan kewangan diri dan keluarga dalam tempoh jangka masa tertentu.

Melalui inisiatif yang disediakan ini institusi perbankan bakal menawarkan moratorium iaitu penangguhan kepada semua pembayaran balik pembiayaan bagi tempoh masa enam bulan yang diberikan sebagaimana yang telah ditetapkan kerajaan. Pihak bank tempatan juga telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang caj tambahan atau penalti ke atas bayaran ansuran perjanjian sewa beli sama ada secara konvensional mahupun Syariah sepanjang tempoh pembiayaan moratorium tersebut. Kesan positif yang bakal diterima adalah setiap individu pastinya dapat membuat penjimatan pembayaran sebanyak 30%-50% daripada pendapatan bulanan. Penjimatan pembayaran tersebut dapat dijadikan sebagai lebih tunai yang dapat dijadikan sebagai simpanan peribadi individu yang boleh digunakan pada masa akan datang. Apabila rakyat tahu memanfaatkan bantuan kewangan yang diberikan, ianya akan mendatangkan kebaikan seperti penjimatan dan peningkatan dalam tabungan peribadi. Seperti yang diketahui ramai bahawa moratorium pinjaman iaitu penangguhan bayaran pinjaman yang diberikan adalah dalam tempoh enam bulan. Dalam masa yang diberikan itu, atau sepanjang tempoh enam bulan tersebut lebih kewangan hendaklah diagihkan dan diurus dengan sebaik mungkin secara bijak sama ada bagi perbelanjaan atau disimpan sebagai simpanan kecemasan bagi masa enam bulan mendatang. Ini kerana melalui kajian yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia telah mendapati lebih daripada 75% rakyat di Negara ini menghadapi masalah untuk menyediakan wang serendah RM1,000 pada waktu kecemasan dan ini sememangnya membimbangkan (Bank Negara Malaysia, 2021). Tambahan pula terdapat juga ada segelintir daripada individu yang memiliki lebih tunai tetapi lebih gemar membelanjakan wang tersebut melalui pembelian atas talian yang menyebabkan mereka sukar untuk mengawal pembelian mereka disebabkan keselesaan yang mereka nikmati.

Selain itu, rakyat yang terikat dengan pinjaman seperti hutang kad kredit boleh menggunakan peluang yang ada dengan melunaskan sebahagian atau keseluruhan hutang mereka dengan membuat pembiayaan melalui lebih tunai yang mereka perolehi. Ini kerana ianya akan membantu mereka yang berkenaan meringankan beban hutang mereka dalam jangka masa yang lebih pendek. Setiap rakyat perlu tahu memanfaatkan bantuan yang diberikan kerajaan kerana bantuan tersebut adalah untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat dalam keadaan sejahtera dan berkualiti pada masa ini.

Kelayakan Moratorium

Pada awalnya pemberian moratorium hanya layak kepada beberapa pihak sahaja dan tidak terbuka kepada semua individu. Moratorium tersebut dikhususkan kepada golongan B40 yang mengalami kesukaran seperti kehilangan pekerjaan, mengalami kekurangan pendapatan serta mereka yang mengusahakan perusahaan mikro yang terjejas akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara pada ketika ini (Utusan, 2021). Penumpuan telah diberikan kepada golongan yang kehilangan pekerjaan telah diberikan keutamaan kerana sepanjang pandemik Covid-19 yang melanda negara, golongan ini telah mengalami kesukaran yang menyebabkan mereka tidak mempunyai sumber pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup serta membuat pembayaran pembiayaan ke atas pinjaman yang telah mereka lakukan sebelum ini.

Namun begitu disebabkan pandemik ini yang melanda seluruh dunia, ianya telah menyebabkan ramai pihak yang terkesan dari segi hilang dan terganggu punca pendapatannya. Disebabkan itu pemberian moratorium ini tidak hanya terhad kepada kumpulan B40 sahaja, sebaliknya mereka dari kumpulan M40 atau T20 yang kehilangan pekerjaan juga boleh mendapatkan (Harian Metro, 2021a). Menurut kenyataan yang diberikan

oleh Kementerian Kewangan Malaysia, (2021) peminjam yang layak adalah terdiri daripada mereka yang kehilangan pekerjaan sama ada daripada kumpulan B40, M40 dan T20, penerima Bantuan Sara Hidup/Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), perusahaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor yang tidak dibenarkan beroperasi berikutan sekatan pergerakan penuh. Peminjam M40 dan T20 yang berdepan pengurangan pendapatan juga boleh memohon untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman mereka sejajar dengan pengurangan pendapatan yang diterima. Kemudahan yang diberikan adalah mereka diberi pilihan untuk mengurangkan bayaran balik ansuran pinjaman sebanyak 50 peratus daripada nilai asal.

Sebelum ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0, moratorium penangguhan kepada semua pembayaran balik pembiayaan hanya diberikan bagi tempoh masa selama enam bulan sahaja (Berita Harian, 2020b). Sehubungan dengan itu rakyat telah mengharapkan agar kerajaan melanjutkan atau menambah tempoh moratorium ini untuk membantu mereka disebabkan penularan wabak Covid-19 yang masih tiada penghujungnya. Oleh itu, pihak kerajaan telah menambah tempoh masa tersebut sehingga kini dan pelanjutan tersebut hanya dibenarkan ke atas peminjam yang masih belum berkemampuan melunaskan bayaran bulanan pinjaman melalui bantuan bank bersasar yang lebih khusus dan fokus kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Golongan yang disasarkan ialah mereka yang masih bekerja tetapi memiliki jumlah pendapatan yang kurang dan mereka yang tidak bekerja disebabkan organisasi terpaksa membuang dan mengurangkan pekerjaannya. Walaubagaimanapun, peminjam harus memahami bayaran yang ditangguhkan ketika moratorium ini dijalankan boleh meningkatkan beban pinjaman dengan ketara kerana tempoh pinjaman yang dilakukan akan menjadi lebih panjang. Oleh itu, peminjam yang memilih menggunakan kemudahan moratorium perlu membuat penjadualan semula bayaran bulanan pinjaman selepas tempoh moratorium berakhir.

ii) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Dalam usaha memperkasakan amalan pengurusan kewangan yang berkesan dalam kehidupan norma baharu pada masa ini, pihak kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia telah membuka jalan dengan mengambil beberapa inisiatif melalui pemberian khidmat nasihat serta rundingan kepada pihak yang menghadapi masalah dalam menguruskan kewangan mereka samada secara individu mahupun pihak syarikat menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan untuk membantu individu menguruskan keadaan kewangan mereka bagi mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit yang bijak (AKPK, 2021). Objektif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini adalah untuk menjadikan masyarakat isi rumah dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memiliki tahap kewangan yang kukuh.

Tiga fungsi utama AKPK adalah pertamanya memberi pendidikan kewangan mengenai penggunaan kredit secara bijak serta asas pengurusan wang dan tanggung jawab dalam menguruskan kredit bagi setiap individu. Di dalam kehidupan norma baharu pada masa ini, ilmu mengenai pendidikan kewangan adalah perkara penting. Dengan pengetahuan mendalam mengenai sistem kewangan secara efektif ianya dapat membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi individu dan perniagaan yang dijalankan. Pendidikan kewangan merupakan kunci kepada masyarakat pada hari ini bagi mendapat faedah dari sistem kewangan dan teknologi

baru yang boleh mengubah lanskap kewangan mereka. Perkara ini dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami risiko yang terlibat dalam menguruskan kewangan dan akan memudahkan mereka dalam membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Fungsi kedua adalah memberi khidmat nasihat kewangan kepada individu yang memerlukan. Setiap Individu perlu mempunyai kemahiran dalam mengurus perbelanjaan mereka secara bijak dan ini merupakan suatu kemahiran yang penting supaya setiap individu boleh berbelanja mengikut kemampuan tanpa mendatangkan masalah pada masa akan datang. Manakala fungsi ketiga merupakan tujuan utama yang diberikan oleh AKPK bagi membantu individu yang mempunyai masalah kewangan ataupun bebanan hutang dengan menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman secara peribadi melalui rundingan dengan pihak penyedia perkhidmatan kewangan mereka yang dinamakan Program Pengurusan Kredit (PPK). Oleh itu, untuk membina satu generasi dengan pengurusan kewangan yang baik ianya harus bermula diperingkat awal. Ini telah menjadi motivasi pada Bank Negara Malaysia dalam membangunkan AKPK untuk menjadikan ianya sebagai sebuah agensi yang menyediakan pendidikan kewangan kepada pengguna dewasa daripada semua lapisan masyarakat bermula daripada komuniti di Institusi Pengajian Tinggi sehinggalah ke peringkat warga emas.

iii) Amalan Menabung

Menabung membawa bermaksud menyimpan sebahagian daripada jumlah pendapatan yang diterima pada setiap bujang bulan (Wai, 2016). Tidak ada jumlah yang ditetapkan kepada setiap individu dalam melakukan amalan menabung ini. Tujuan utama menabung adalah untuk menggalakkan simpanan pada masa depan bagi memupuk sikap berjimat cermat dalam kalangan individu yang telah bekerja mahupun komuniti di Institusi Pengajian Tinggi. Walaubagaimanapun jika jumlah pendapatan yang diperoleh pada setiap bulan adalah tinggi, namun seseorang individu tersebut tidak melakukan perancangan perbelanjaan kewangan dengan baik, pendapatan yang diperoleh itu pastinya akan habis dibelanjakan begitu sahaja. Amat penting bagi setiap individu melakukan perancangan perbelanjaan secara harian dan bulanan bagi memastikan setiap bulan ada lebih wang yang dapat diasingkan bagi dijadikan simpanan yang dapat digunakan pada masa kecemasan. Simpanan kewangan juga boleh diibaratkan sebagai suatu transaksi perniagaan yang mana secara tidak langsung penyimpan akan menerima pertambahan kadar faedah dalam satu tempoh masa yang ditetapkan (Chu *et al.*, 2017). Dengan memparaktiskan amalan berbelanja terhadap perkara yang diperlukan sahaja, pastinya setiap individu akan mempunyai lebih wang yang boleh dijadikan sebagai simpanan. Menurut Nor Syahidah & Norasmah, (2017) salah satu pendekatan terbaik yang boleh dilakukan adalah mengasingkan sejumlah wang terlebih dahulu sebelum membuat sebarang perbelanjaan. Ini kerana kebiasaannya setiap individu pastinya akan menghabiskan pendapatan yang diterima dengan melakukan perbelanjaan ke atas perkara yang tidak sepatutnya.

iv) Perancangan Perbelanjaan

Melakukan perbelanjaan yang bijak sebenarnya sesuatu yang mencabar bagi kalangan individu yang suka berbelanja. Individu yang bijak perlu mengambil tahu akan jumlah pendapatan yang diperoleh dengan perbelanjaan yang dilakukan. Untuk menjadi pengguna yang bijak dalam menguruskan perbelanjaan peribadi, adalah penting untuk memahami bahawa setiap pembelian yang dibuat perlu difikirkan terlebih dahulu berdasarkan keperluan bukan kehendak. Pendefinisian keperluan dan kehendak merujuk kepada satu perkara asas yang wajib dimiliki oleh seseorang individu dalam kehidupannya seperti makanan dan tempat

tinggal, manakala kehendak pula ialah keinginan tambahan individu terhadap sesuatu perkara yang boleh menjadikan kehidupan tersebut menjadi lebih baik seperti barang perhiasan dan sebagainya (Aisyah & Wajeeha, 2016). Terdapat beberapa kaedah yang disarankan untuk membantu individu dalam melakukan perancangan perbelanjaan secara bijak iaitu (i) membandingkan harga bagi barang yang sama di tempat membeli belah yang berlainan, (ii) merancang pembelian sebelum melakukan aktiviti membeli-belah dengan menyediakan senarai barang yang ingin dibeli serta harus mematuhi senarai tersebut. (iii) Setiap individu perlulah mengelakkan pembelian mengikut gerak hati kerana pembelian mengikut gerak hati akan menyebabkan berlaku perbelanjaan yang berlebihan. (iv) Seterusnya yang terakhir jangan mudah terpengaruh dengan mana-mana iklan di pasar raya atau televisyen yang menjanjikan pelbagai kelebihan keatas produk yang ingin dijual. Individu perlu menyedari kebolehpercayaan sesuatu iklan dengan melakukan penilaian sama ada dirinya memerlukan barang tersebut disebabkan keperluan dan bukannya dipengaruhi oleh iklan yang menarik. Aktiviti perbelanjaan harian yang tidak mengikut perancangan, di tambah dengan kegagalan bagi membezakan di antara keperluan dan kehendak akan mengakibatkan wang sentiasa tidak mencukupi. Setiap individu atau keluarga dicadangkan perlu mempunyai simpanan tunai sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah pendapatan tahunan yang diterima supaya tidak menghadapi sebarang masalah apabila berhadapan dengan situasi yang sukar (Sabri, Abdullah, Moga Dass & Jusoh, 2018). Pengguna yang bijak dapat menentukan keperluan pada masa sekarang dan keperluan pada masa hadapan.

v) Perancangan Belanjawan

Penentuan bajet adalah belanjawan yang dibuat untuk menguruskan perbelanjaan bulanan bagi mengetahui aliran keluar dan masuk wang individu (Wai, 2016). Dengan adanya peruntukan belanjawan yang dibuat ianya juga membolehkan individu mengetahui jumlah wang yang dibelanjakan serta jumlah wang yang diasingkan untuk tujuan simpanan. Penentuan belanjawan ini adalah berdasarkan jumlah pendapatan yang diperoleh pada setiap bulan beserta perbelanjaan bulanan yang dilakukan. Pendapatan merujuk kepada jumlah wang yang masuk, manakala perbelanjaan pula adalah merujuk kepada jumlah wang yang dikeluarkan untuk tujuan perbelanjaan (Brigham *et al.*, 2014). Disebabkan setiap daripada individu yang telah bekerja mempunyai jumlah pendapatan dan keperluan yang berbeza, maka penentuan bajet haruslah mengikut kesesuaian individu tersebut yang berpandukan kepada matlamat yang ditetapkan (Fan, & Babiartz, 2019). Kebiasannya bagi individu yang membuat perancangan belanjawan ini, mereka mempunyai fokus dan matlamat tertentu yang ingin direalisasikan sama ada dalam tempoh masa yang singkat atau panjang. Manfaat yang diperoleh daripada pengubalan belanjawan ini adalah (i) dapat membantu individu untuk merancang perbelanjaan mengikut perkadaran jumlah pendapatan bulanan yang diterima (ii) mempunyai wang simpanan jika berlakunya waktu kecemasan dan (iii) dengan simpanan yang telah dilakukan dapat mewujudkan impian menjadi kenyataan seperti membeli rumah.

Kesimpulan

Dalam kehidupan norma baharu pengurusan kewangan bukan lagi satu pilihan tetapi satu keutamaan yang harus dipraktikkan oleh setiap individu dalam kehidupan pada masa kini. Penularan pandemik Covid-19 pada ketika ini telah memberikan kesan yang serius terhadap ekonomi negara Malaysia yang secara langsung turut memberi kesan kepada setiap individu yang bekerja. Jika individu tidak mengamalkan pengurusan kewangan secara baik, maka akan menyebabkan terjadinya pelbagai masalah kewangan seperti pembaziran wang, tunggakan

hutang yang tidak berbeyar dan isu wang yang kerap tidak mencukupi. Kebiasaannya hal yang sedemikian berlaku ke atas golongan individu yang membelanjakan wang dengan cara tidak bersistem.

Wang memainkan peranan penting dalam memudahkan transaksi ekonomi bagi memenuhi keperluan masyarakat pada hari ini. Tanpa wang yang mencukupi, kehidupan menjadi sukar kepada setiap individu bagi memenuhi keperluan dalam kehidupan. Pengurusan kewangan yang terurus merupakan satu amalan positif yang harus diteruskan bagi membentuk organisasi atau individu ke arah mencapai matlamatnya. Dalam konteks perbincangan di atas adalah sangat relevan pada masa penularan Covid-19 ini setiap individu mengamalkan beberapa inisiatif baru dalam kehidupan yang menjurus kepada kehidupan pengurusan kewangan yang baik seperti mengamalkan budaya menabung, merancang perbelanjaan terlebih dahulu dan melakukan perancangan belanjawan sebelum membelanjakan sumber pendapatan yang diperoleh. Tambahan lagi dengan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui kemudahan moratorium dan kemudahan yang diberikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ianya mampu menjadi tempat dalam menyelesaikan pelbagai masalah berhubung isu kewangan.

Justeru itu adalah penting bagi setiap individu, menguruskan sumber kewangan yang ada secara cekap, bijaksana dan fleksibel bagi menjamin kedudukan kewangan yang kukuh pada setiap masa. Ini menunjukkan bahawa pengamalan pengurusan kewangan adalah saling bergantung dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipraktikkan oleh seseorang individu. Oleh itu, setiap individu perlu berfikir secara matang dalam membuat pilihan yang betul agar mereka tidak terjebak dengan masalah kewangan di masa hadapan. Perlu diingat sentiasa sebelum melakukan sebarang perbelanjaan apa yang perlu difikirkan adalah sama ada asas perbelanjaan itu berdasarkan keperluan mahupun kehendak.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105 dan TLS2110)

Rujukan

- Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85–94.
- Abd Moen, J., Che omar, A.R. Ishak, S. Dawari, Z, & Hamdan, H. (2012). Amalan Pengurusan Kewangan di Kalangan Usahawan Asnaf. *Prosiding PERKEM VII*. 2: 762-769.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. (2021). Matlamat AKPK. Diakses pada 15 Mei 2021, dari <https://www.akpk.org.my/my/maklumat-kami>.
- Aisyah, A. R. & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2): 85-94.
- Awani. (2020). COVID-19: Hampir 100,000 Hilang Kerja Sejak Januari-Timbangan Menteri. Diakses pada 10 Mei 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-hampir-100000-hilang-kerja-sejak-januari-timbangan-menteri-271403>.
- Brigham, E. F., Houston, J. F., Jun-Ming, H., Yoon Kee, K., & Bany-Arifin, A.N. (2014) *Essentials of Financial Management*. 3rd Edition. Cengage learning. Singapore.

- Bank Negara Malaysia. (2021). Moratorium. Diakses pada 30 Mei 2021, dari https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/ra_bm.html.
- Berita Harian (2020a). Penerima Moratorium Terima Manfaat Penangguhan RM43.7 bilion. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703326/penerima-moratorium-terima-manfaat-penangguhan-rm437-bilion>
- Berita Harian. (2020b). AKPK Tawar Penangguhan Bayaran Balik. Diakses pada 10 Mei 2021, Dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669359/akpk-tawar-penangguhanbayaran-balik>.
- Berita Harian. (2020c). Moratorium: Golongan Terjejas Perlu Dikenalpasti, Dilanjutkan. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020>
- Chan, S. W., S., & Yong, W. L. (2018). Financial Well-Being Among Malaysian Manufacturing Employees. *Management Science Letters*, 8(6), 691–698.
- Chu, Z., Wang, Z., Xiao, J. J., & Zhang, W. (2017). Financial Literacy, Portfolio Choice and Financial Well-Being. *Social Indicators Research*, 132(2), 799–820.
- Daft, R. L. (2016). *Management: 12th edition*. Cengage Learning, USA.
- Fan, L., & Babiarz, P. (2019). The Determinants of Subjective Financial Satisfaction and Moderating Roles of Gender and Marital Status. 47(3). <https://doi.org/10.1111/fcsr.12297>
- Harian Metro. (2021a). Moratorium Bukan Hanya Untuk B40. Diakses pada 03 Jun 2021, Dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/712720/moratorium-bukan-hanya-untuk-b40>.
- Harian Metro. (2021b). Kawal Wang Dengan Baik. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/PnP/2021/06/716390/kawal-wang-dengan-baik/07/709820/moratorium-golongan-terjejas-perlu-dikenalpasti-dilanjutkan>.
- Jabatan Insolvency Malaysia, (2021) Akta 1624 Akta Insolvency (Pindaan) 2020. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <http://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/undang-undang>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, Statistik Kesihatan. (2021). Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.moh.gov.my/>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021) Perintah Kawalan Pergerakan. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>.
- Nor Syahidah, N. & Norasmah, O. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(1): 183–193.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020). [PRIHATIN] Matlamat 3: Perkukuh Ekonomi. Diakses pada 08 Jun 2021, dari <https://www.pmo.gov.my/2020/03/prihatin-matlamat-3-perkukuh-ekonomi/>.
- Rafdi, N. J., Puad, N. A. M., Shahr, W. S. S., Nor, F. M., & Shahr, W. S. S. (2015). Faktor-Faktor Muflis di Kalangan Belia. *International Conference on Management and Muamalah*, 484-488.
- Ramli, Z. (2013). Financial Behaviour of Female Teachers in Malaysia Asian. *Social Science* 9(8): 34-41.
- Rubayah, Y., Hayati, J. & Nur Ain, K. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 75 - 88.
- Sabri, M. F., Abdullah, N., Moga Dass, T., & Jusoh, O. (2018). Tingkah Laku Pengurusan

- Kewangan, Masalah Kewangan, Kesejahteraan Hidup dan Program Sokongan Pengguna di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 30, 103–121.
- Tang, N., & Peter, P. C. (2015). Financial Knowledge Acquisition among the Young: the Role of Education, Financial Experience and Parents' Financial Experience. *Financial Services Review*, 24, 119-137.
- Undang-undang Malaysia Akta A1384 Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010. (2010). Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.kpdnhep.gov.my/images/dokumen/awam/perundangan/21-bm-Akta-Sewa-Beli-Pindaan-2010.pdf>.
- Utusan. (2021). Industri Perbankan Beri Jaminan Moratorium. Diakses pada 30 Mei 2021, Dari <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/industri-perbankan-beri-jaminan-moratorium/>.
- Wai, K. T. (2016). Perancangan Kewangan dan Aplikasi Teori Tingkah Laku Kewangan dan Teori Keperluan Maslow: Kajian Kes KWSP di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8): 10–21.
- World Health Organization. (2021). Situation Updates of Covid-19. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.who.int/home>.
- Yakob, R. Janor, H. & Khamis, N. A. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar* 18: 97-116.